

12 AUG 1998
Komanwel-Mahathir
UTAMAKAN LATIHAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru para atlet negara yang akan bertanding di Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 pada 11-21 Sept depan supaya menumpukan kepada latihan bagi menentukan tahap kesediaan mereka di temasya itu nanti.

"Walaupun cuma tinggal 30 hari lagi sebelum berlangsungnya temasya itu proses latihan ini masih diperlukan untuk memastikan prestasi seseorang atlet itu sentiasa berada pada tahap tertinggi," katanya pada majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara di Stadium Putra Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil petang ini.

Dr Mahathir berkata, latihan ini hendaklah dilakukan dengan penuh ketekunan serta semangat yang tinggi di samping memelihara disiplin serta patuh kepada arahan jurulatih.

Latihan berterusan lagi sistematik ini bukan sahaja memberi jaminan untuk mencapai kejayaan tetapi juga mengukuhkan ketahanan mental seseorang atlet itu sendiri yang akan menambahkan keyakinan diri apabila berada di gelanggang pertandingan, katanya.

"Fikiran para atlet sekarang harus tertumpu kepada usaha melengkapkan diri sehingga ke tahap yang mereka sudah benar-benar bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran di temasya itu nanti," katanya.

Menurut Dr Mahathir, dalam masa yang singkat ini, sudah tidak ada masa lagi untuk mempersoalkan tentang bentuk latihan mahupun kemampuan jurulatih kerana keadaan ini hanya merugikan diri sendiri.

Arahan jurulatih hendaklah dipatuhi dan jangan dicampur-adukkan dengan perkara-perkara lain yang hanya merugikan atlet itu sendiri...yang penting sekarang kita harus utamakan kemenangan kepada negara, tidak kira siapa yang menyumbangkannya kerana yang bertanding ialah rakyat Malaysia.

"Tak menang tak apa tetapi usaha untuk mencapai kemenangan itu mesti dipamerkan...tidak perlu kecewa dan yang penting ialah harus percaya pada diri sendiri," katanya.

Ketua kontinjen negara Datuk Khalid Yunus apabila ditemui selepas majlis itu berkata amanat yang sampaikan Perdana Menteri itu merupakan cabaran kepada atlet untuk membuktikan keupayaan masing-masing.

Katanya para atlet tidak harus mengambil mudah kenyataan itu sebaliknya terus berusaha untuk mempamerkan persembahan terbaik.

"Atlet dan juga pegawai hendaklah menyahut seruan Perdana Menteri dan buktikan komitmen masing-masing ke arah usaha membawa kemenangan kepada negara," kata Khalid.

Pada majlis itu kontinjen negara menyumbangkan RM7,760 kepada Dana Khas Negara yang disampaikan atlet gimnastik artistik Au Li Yen kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA
AHA ZAB